

Akses Kepada Sumber Elektronik Tempatan: Inisiatif PPAPP

Puan Shukriah binti Haji Yon

Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang

E-mel: shukriah@penang.gov.my

Pengenalan

Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) telah memulakan perkhidmatannya pada bulan Januari 1973 sebaik sahaja ia mengambil alih pengurusan Penang Library sebuah perpustakaan langganan yang pertama di Malaysia yang mula memberi perkhidmatan perpustakaan semenjak tahun 1817. Enakmen PPAPP 1972 yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 7hb Ogos 1972 menetapkan PPAPP sebagai sebuah badan yang berkuasa untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan awam bagi masyarakat di negeri Pulau Pinang dan memperluaskan penggunaan maklumat-maklumat dan bahan-bahan perpustakaan di dalam negeri ini.

PPAPP kini mempunyai jaringan rangkaian perpustakaan elektronik yang mampu menampung keperluan rakyat Pulau Pinang merapatkan jurang ilmu dan mengurangkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar di mana setiap perpustakaan dapat dihubungi secara atas talian. Kini PPAPP mempunyai sebuah perpustakaan pusat di Seberang Jaya, 6 buah perpustakaan cawangan iaitu Perpustakaan Cawangan George Town, Perpustakaan Kanak-kanak, Perpustakaan Cawangan Balik Pulau, Perpustakaan Cawangan Bukit Mertajam, Perpustakaan Cawangan Bertam dan Perpustakaan Cawangan Jawi. Terdapat 2 buah perpustakaan Pekan di Bagan Ajam dan Simpang Ampat dan 3 buah perpustakaan di pusat membeli belah di AEON Seberang Prai City, Komtar dan Mayang Mall Bayan Baru. Perbadanan juga mempunyai jaringan rangkaian dengan 48 perpustakaan desa siber dan 34 lagi perpustakaan desa yang ditubuhkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan yang terkini dengan Perpustakaan Bergerak.

Di samping perpustakaan statik, PPAPP juga mempunyai 12 buah Perpustakaan Bergerak yang melawati 237 lokasi yang tiada Perpustakaan Desa, di mana 2 daripada Perpustakaan Bergerak ini memberi perkhidmatan kepada OKU (orang kurang upaya) dan sebuah E-Pustaka. Kedua-dua Perpustakaan Bergerak ini disesuaikan supaya dapat memenuhi keperluan golongan OKU. Terdapat kelainan dari segi koleksi dan permainan jika dibandingkan dengan Perpustakaan Bergerak yang lain. Ini merupakan salah satu langkah pembangunan Perbadanan dalam memenuhi keperluan maklumat rakyat Pulau Pinang dengan tidak mengabaikan serta menyisihkan golongan istimewa kerana mereka juga berhak untuk mendapat maklumat dan pendidikan. Bagi Perpustakaan Bergerak E-Pustaka pula, ia telah dilengkapi dengan kemudahan internet dan 10 buah komputer riba.

Pendigitalan Koleksi Negeri

Pendigitalan bermaksud “satu proses untuk menukarkan format sumber ilmu dan maklumat dalam bentuk bercetak/analog (sama ada teks, audio, video, grafik, dsb.) kepada bentuk digital supaya dapat disimpan, mudah dikesan/didapatkan semula dan diedarkan secara elektronik” .

Koleksi digital pula bermaksud koleksi perpustakaan atau bahan arkib yang ditukar kepada format yang boleh dibaca oleh mesin (machine-readable format) untuk tujuan pemeliharaan atau untuk menyediakan capaian secara elektronik. (Perpustakaan Negara Malaysia).

Kakitangan serta pengguna perpustakaan sudah biasa dengan mikrofilem, ensiklopedia, tesaurus, laporan-laporan, terbitan bersiri dan lain-lain, justeru langkah logik seterusnya yang diambil oleh PPAPP adalah menyediakan perkhidmatan dalam bentuk digital seperti e-book, e-gambar dan e-keratan akhbar.

PPAPP telah memulakan perkhidmatan pendigitalan apabila membeli sebuah mesin pengimbasan khas (Zeutschel) untuk tujuan tersebut pada tahun 2003. Inisiatif ini telah dimulakan untuk mendigitalkan semua koleksi negeri yang diambil dari Koleksi Pulau Pinang yang mempunyai lebih daripada 5779 judul meliputi format buku, surat khabar, gambar, peta, buletin, CD dan risalah. Ada di antara koleksi ini merupakan bahan bercetak yang diterbitkan pada tahun 1800.

Sebagai tindak balas kepada cabaran ini, PPAPP telah meningkatkan kelengkapan dan perkakasan untuk tujuan pendigitalan dengan menaik taraf mesin pengimbas dengan membeli mesin Scanner i2s CopiBook yang mampu melakukan proses imbasan antara 500 –1000 muka surat sehari. Bagi memastikan proses pendigitalan berjalan lancar, Unit Perkhidmatan Koleksi Digital ditubuh dan diberi tanggungjawab untuk menghasilkan aliran kerja yang terdiri daripada lima langkah: pemilihan, penyediaan, pengimbasan, kawalan kualiti dan muat naik ke portal I Love Library.

Melalui sistem prosedur kualiti yang ketat dengan sasaran 2000 muka surat sebulan yang merangkumi proses imbasan, bookrestorer, burn cd/dvd, watermark, pdf4books dan I Love Library dapat dicapai dan diakses melalui <http://ebook.penanglib.gov.my>.

Sehingga Oktober 2012, terdapat 334 judul/naskhah merangkumi 73431 muka surat yang tersedia kepada pengguna menerusi laman web PPAPP. Bahan yang dipilih daripada Koleksi Pulau Pinang ini meliputi naskhah-naskhah yang diterbitkan di Pulau Pinang, ditulis oleh rakyat Pulau Pinang ataupun hal-hal yang berkaitan individu mahupun negeri Pulau Pinang. Pengguna hanya perlu memuat turun “viewer” untuk membaca buku yang terdapat di komputer pelayan PPAPP.

Koleksi yang didigitalkan ini adalah koleksi rujukan terhad atau dengan perkataan lain koleksi negeri yang hanya boleh dirujuk di perpustakaan pusat dengan akses yang terhad. Oleh hal yang demikian pengimbasan dilakukan

untuk kemudahan pengguna merujuk koleksi tersebut pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Kebanyakan bahan di Koleksi Pulau Pinang tidak ada di pasaran dan ada di antaranya tidak mungkin didapati di tempat lain, justeru keperluan maklumat pengguna dapat dipenuhi pada setiap masa.

Sebagai contoh, buku berjudul *Early History of Penang 1529-1827* yang diterbitkan pada 1905 adalah contoh e-book yang tak mungkin didapati di mana-mana, namun pengguna boleh mengakses buku tersebut untuk tujuan rujukan dan penyelidikan. Walaupun ia dalam format e-book, kandungannya adalah sama dengan buku fizikal malah pengguna akan lebih selesa dengan fungsi tambahan yang tersedia dalam perisian I Love Library.

Jumlah koleksi e-book ini akan sentiasa bertambah dan dikemas kini dan dalam masa terdekat proses pendigitan akan memasuki fasa Koleksi Khas Malaysia, justeru pengguna akan memperoleh lebih banyak pilihan dan faedah daripada proses pendigitan ini.

Unit Perkhidmatan Koleksi Digital juga menjalankan aktiviti mendigitalkan buku-buku baru yang diterbitkan dan “best seller” untuk pengguna. Walau bagaimanapun proses ini tetap tertakluk kepada isu hak cipta, justeru dimuat naik hanya 10% - 40% dari keseluruhan kandungan buku untuk bacaan umum. Bagi yang berminat mengetahui kandungan sepenuhnya, mereka perlu datang ke perpustakaan terdekat untuk meminjam atau membuat rujukan pada bahan berkenaan.

Koleksi Akhbar Digital

Keratan akhbar merupakan salah satu daripada perkhidmatan yang disediakan oleh Bahagian Perkhidmatan dan Perpustakaan Maklumat PPAPP. Perkhidmatan ini telah lama diperkenalkan kepada masyarakat pengguna dan ia merupakan “value added service” akhbar harian kepada masyarakat. PPAPP menyediakan 9 akhbar harian dalam 4 bahasa utama (Berita Harian, Kosmo, Sinar Harian, Harian Metro, The Star, The Sun, New Straits Times, Guang Ming Daily, Tamil Nesan).

Daripada 9 akhbar harian tersebut, 7 daripadanya digunakan untuk Koleksi Keratan Akhbar. Koleksi ini telah dimulakan sejak tahun 2000 dan jumlah sehingga kini adalah 42320. Koleksi Keratan Akhbar telah di bahagikan kepada 29 tajuk perkara dan dikhususkan kepada artikel yang hanya berkaitan dengan negeri Pulau Pinang sahaja. Setiap artikel dapat dikesan menggunakan Sistem ILMU dalam Modul IRS sama ada di perpustakaan atau melalui laman web rasmi PPAPP.

Koleksi Keratan Akhbar ini hanya memberi fokus kepada berita-berita yang berlaku di Pulau Pinang ataupun berkenaan orang perseorangan mahupun ulasan berkenaan negeri Pulau Pinang sahaja dan perkhidmatan ini sering mendapat permintaan daripada pelbagai lapisan golongan pengguna terutamanya golongan pelajar serta penyelidik.

Memandangkan tuntutan kepada keperluan maklumat atas talian telah meningkat selaras dengan kemajuan prasarana yang dibangunkan kerajaan

serta kecanggihan “gadget” semasa, PPAPP mengambil inisiatif dengan mengimbas keratan akhbar yang diindeks. Dengan menggunakan Sistem ILMU yang mempunyai “tag 856” membolehkan imej dimuat naik ke komputer pelayan. Kini terdapat 4445 Koleksi Keratan Akhbar yang sedia untuk digunakan. Pengguna hanya perlu melihat dalam modul IRS Sistem Ilmu.

Oleh hal yang demikian, pengguna akan dapat melihat imej dan membaca keratan akhbar berkenaan secara langsung dan boleh dimuat turun. Dengan kemudahan yang disediakan telah memberikan manfaat kepada pengguna mengakses Koleksi Keratan Akhbar secara langsung mengikut kesesuaian masa masing-masing dan seterusnya mengurangkan pertindihan tugas kakitangan. Sebelum terlaksananya sistem ini kakitangan terpaksa menyediakan Koleksi Keratan Akhbar pusat perkhidmatan masing-masing, justeru sistem ini telah membantu meringankan beban kerja petugas seterusnya menyelaraskan perkhidmatan Koleksi Keratan Akhbar di semua pusat-pusat perkhidmatan.

Perkhidmatan Maklumat Komuniti @ Community Information Services (C.I.S)

PPAPP menyediakan Perkhidmatan Maklumat Komuniti dengan tujuan untuk membantu masyarakat mencapai maklumat yang diperlukan dalam kehidupan seharian mereka. Perkhidmatan ini menjurus kepada keperluan masyarakat yang tidak mempunyai akses secara terus kepada maklumat serta menghadapi pelbagai masalah setiap hari terutama berkaitan maklumat umum kawasan, pengangkutan, perniagaan, pendidikan, sukan dan rekreasi, kesihatan, keagamaan, kemudahan awam dan galeri. Perkhidmatan Maklumat Komuniti yang disediakan oleh PPAPP sentiasa dikemas kini bagi untuk memenuhi keperluan maklumat komuniti di Pulau Pinang.

Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang telah membangunkan portal dikenali sebagai ‘Perkhidmatan Maklumat Komuniti’ - Community Information Services (C.I.S) yang berfungsi sebagai “*one stop information*” yang menyampaikan maklumat keperluan harian secara maya dan boleh diakses oleh semua lapisan masyarakat.

Setiap menu mempunyai maklumat yang tersendiri mengikut keperluan pengguna. Contohnya bagi menu Maklumat Umum terdapat maklumat-maklumat seperti pengenalan bagi kawasan berkenaan meliputi sejarah, jumlah penduduk serta kegiatan ekonomi yang dijalankan. Pengunjung juga dapat mengetahui maklumat perpustakaan desa di kawasan berkenaan seperti nama petugas, nombor telefon perpustakaan, jumlah koleksi yang terdapat di perpustakaan dan waktu perkhidmatan.

Menu Maklumat Umum juga memberikan informasi berkenaan pengurusan dan pentadbiran kawasan tersebut seperti Pengerusi JKKK kawasan, Ahli Dewan Undangan Negeri serta Ahli Parlimen kawasan tersebut. Bagi maklumat di menu Keagamaan, pengguna portal dapat mengetahui maklumat berkenaan lokasi tempat ibadat seperti masjid, surau,

tokong, kuil dan lain-lain. Bagi yang beragama Islam pula, informasi seperti imam, kadi serta individu yang menguruskan mayat turut disertakan untuk panduan pengguna.

Begitu juga bagi menu-menu lain, setiap menu memberikan informasi yang sangat berguna terutamanya kepada orang yang baru berpindah ke suatu kawasan tersebut.

Dalam melaksanakan Pempakejan Maklumat seperti Perkhidmatan Maklumat Komuniti, pelbagai kajian perlu dijalankan sebelum portal dilancarkan. Antara aspek utama yang diberi penumpuan adalah keperluan masyarakat setempat, pengiklanan percuma kepada pengusaha IKS dan maklumat tentang wakil rakyat serta ketua-ketua dalam komuniti.

Perpustakaan Desa memainkan peranan dalam menyalurkan maklumat berkenaan komuniti sekitar mereka dan akan dikemas kini setiap masa. Oleh hal yang demikian, petugas di Perpustakaan Desa akan membuat promosi kepada pengguna untuk menggunakan Portal CIS tersebut bukan hanya untuk mendapatkan maklumat sesuatu tempat tetapi juga untuk memajukan perniagaan mereka.

Bank Soalan Peperiksaan

PPAPP mengambil inisiatif mengumpulkan soalan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) serta pelajar yang bakal menduduki peperiksaan tersebut. Soalan-soalan ini diperolehi dari Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, guru-guru, pelajar-pelajar serta dari laman sesawang yang berkaitan.

Perolehan dari pelbagai sumber ini menjadikan soalan yang berbeza, justeru pelajar akan mempunyai banyak pilihan menjalankan latihan persediaan. Kemudahan yang disediakan ini bukan hanya membantu pelajar, tetapi untuk guru-guru. Kemudahan ini dapat dinikmati oleh pengguna dengan melayari portal rasmi PPAPP.

Dengan adanya kemudahan ini secara langsung telah membantu pelajar-pelajar di seluruh Malaysia dan Pulau Pinang kerana kemudahan ini dapat diakses pada bila-bila masa. Bagi pelajar yang berhampiran dengan pusat-pusat perkhidmatan PPAPP, mereka boleh menggunakan kemudahan Internet yang disediakan untuk memuat turun soalan-soalan berkenaan dalam format PDF.

Soalan disusun mengikut peperiksaan dan tahun soalan tersebut, justeru pelajar dapat membuat penilaian sendiri bentuk soalan apa yang sering keluar dalam peperiksaan. Terdapat juga soalan yang di bina oleh guru-guru sekolah dari negeri-negeri lain yang dapat memberikan idea dan pendedahan kepada pelajar bentuk dan format yang ditentukan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

PPAPP berusaha dari masa ke semasa untuk menambah soalan untuk membantu pelajar untuk membuat latihan dan persediaan menghadapi peperiksaan sebenar kelak.

Portal-portal PPAPP

Nilai sesebuah perpustakaan kepada komuniti bergantung pada keupayaan memenuhi pelbagai keperluan maklumat yang diperlukan. Justeru bagi memenuhi keperluan tersebut, PPAPP telah membangunkan portal-portal untuk pengguna mengakses maklumat tempatan.

Portal Kenali Pulau Pinang yang dibangunkan adalah rentetan daripada penerbitan buku Kenali Pulau Pinang. Portal ini mengandungi maklumat berkenaan negeri Pulau Pinang yang mencakupi keseluruhan aspek bermula dari sejarah negeri sehinggalah makanan tempatan. Maklumat yang disampaikan dalam bentuk yang mudah dan bergambar serta interaktif ini banyak memberikan informasi kepada masyarakat untuk mengenali dan mengetahui cara hidup masyarakat Pulau Pinang.

Portal Kenali Pulau Pinang ini mengandungi maklumat seperti kesenian, makanan, bangunan sejarah, pakaian, struktur rumah Pulau Pinang, pengangkutan, pelancongan, rekreasi dan lokasi menarik di Pulau Pinang. Setiap tajuk tersebut mempunyai pecahan tersendiri contohnya nasi kandar yang merupakan makanan popular di Pulau Pinang, tetapi mungkin ramai yang tidak mengetahui Kuih Jongkong adalah dari Pulau Pinang dan Kuih Bangkit dari Seberang Perai sebesar tapak tangan.

Keunikan terbitan dan portal ini adalah disertakan bibliografi pada setiap akhir tajuk. Bibliografi tersebut adalah koleksi negeri yang terdapat di perpustakaan untuk bacaan lanjut setiap tajuk-tajuk berkenaan. Bibliografi ini dikemas kini dari semasa ke semasa untuk memastikan pengguna boleh membuat rujukan dengan mudah serta maklumat yang terkini.

Selain itu satu lagi portal yang memberikan maklumat tempatan yang dibangunkan oleh PPAPP adalah portal Penang Chief Administrator yang menampilkan maklumat-maklumat ketua-ketua negeri Pulau Pinang. Portal yang memuatkan sejarah awal gabenor-gabenor Pulau Pinang bermula dengan Kapten Francis Light sehingga Residen terakhir Pulau Pinang, Robert Porter Bingham dan seterusnya maklumat-maklumat tujuh Yang di-Pertua – Yang di-Pertua Negeri bagi memudahkan penyelidik dan pelajar mendapatkan maklumat secara langsung dan mudah.

Sehingga kini tiada lagi maklumat lengkap dalam bentuk bercetak untuk rujukan umum, justeru portal ini amat berfaedah dan memberi manfaat kepada masyarakat. Maklumat tempatan ini dimuat naik atas talian bagi menggalakkan pengguna untuk memanfaatkan kemudahan maklumat yang disediakan. Selain itu, maklumat berkenaan ketua-ketua menteri juga terdapat dalam portal Penang Chief Administrator.

Selain daripada itu PPAPP juga telah membina sebuah portal khas iaitu Portal Lukisan Malaysia Jepun yang menampilkan lukisan-lukisan pelajar dari

negara Jepun dan Malaysia. Tujuan asal portal ini dibangunkan adalah sempena berlangsungnya pameran lukisan Malaysia-Jepun yang juga merupakan acara tahunan di Pulau Pinang. Peminat-peminat lukisan boleh melihat dan menikmati lukisan yang dihasilkan di portal berkenaan dan dikemas kini setiap masa.

PPAPP juga telah mengambil inisiatif membina portal Setiap Bayi Satu Buku (SBSB) sempena penerbitan buku yang dicetak atas kain yang amat berguna dalam proses pembelajaran kanak-kanak. Portal ini bertujuan membantu ibu bapa untuk lebih memahami cara penggunaan buku SBSB dan teknik-teknik berguna bagi menggalakkan kanak-kanak tertarik dan berminat untuk menggunakan buku kain tersebut.

Perkhidmatan Atas Talian

PPAPP menyambut baik langkah kerajaan memperkukuh industri teknologi dan maklumat dan komunikasi sebagai pemacu kepada produktiviti dan pembangunan sosial masyarakat. Oleh hal yang demikian PPAPP telah menaiktarafkan perkhidmatan sedia ada ke bentuk maya ataupun atas talian. Antara perkhidmatan tersebut adalah pendaftaran atas talian yang memberi peluang kepada masyarakat dari dalam atau luar kawasan Pulau Pinang untuk mendaftar sebagai ahli perpustakaan. Kelebihan perkhidmatan membolehkan pengguna dapat menyemak status pendaftaran, status pinjaman, bayaran, tempahan buku dan sebagainya. Selain itu kemudahan Web OPAC membolehkan pengguna menyemak senarai koleksi yang terdapat di perpustakaan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Kesimpulan

Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang amat menyokong Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan yang dikeluarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia justeru aktiviti pendigitalan serta maklumat kandungan tempatan dijalankan selaras dengan keperluan pengguna serta mematuhi prinsip-prinsip pemuliharaan bagi memastikan bahan yang diproses tidak terjejas.

Usaha yang konsisten perlu bagi memastikan maklumat sentiasa dikemas kini bagi memantapkan kandungan tempatan tersebut. Sebagai pusat maklumat terunggul, PPAPP memainkan peranan penting untuk menyampaikan maklumat kandungan tempatan ini dengan cara dan kaedah semasa iaitu atas talian, justeru pengguna mempunyai pilihan untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan sama ada datang ke perpustakaan atau hanya merujuk atas talian.

Rujukan

- Awam, S. P. *Perkhidmatan Perpustakaan Awam : garis panduan pembangunan IFLA/UNESCO*
- Bohari, A. M., & Amer, S. A. (2010). *Perpustakaan Elektronik Sebagai Sumber Maklumat Global: Satu Kajian Penerokaan*. Paper presented at the Proceedings from Seminar Kebangsaan Teknologi Maklumat Di Perpustakaan.
- Heterick, B. (2002). Faculty Attitudes Toward Electronic Resources. from <http://net.educause.edu/ir/library/pdf/ERM0248.pdf>
- Jabatan Teknologi Pendidikan, I. P. G. K. P. Pusat Sumber Elektronik. from <http://jtpipgperlis.webs.com/documents/PUSAT%20SUMBER%20ELEKTRONIK.pdf>
- Kusmayadi, E. Membangun Perpustakaan Digital [Web log comment]. from <http://fpdp.wordpress.com/e-learning/membangun-perpustakaan-digital/>
- Malaysia, P. N. (2010). Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan. from http://www.pnm.gov.my/upload_documents/DasarPendigitalanKoleksiPerpustakaan.pdf
- Mohamed, M. T., & Salam, A. (1996). *Memenuhi Keperluan Maklumat Negara Menjelang Abad Ke 21*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Multimedia Digital.
- Mustaffa, S. H. Akses Kepada Perkhidmatan Online : Pengalaman Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia from <http://repo.uum.edu.my/2229/1/sallehuddin-pwork.pdf>
- Ramli, R. Perpustakaan Digital Dalam Persekitaran E-Pembelajaran: Pengalaman di OUM from <http://eprints.oum.edu.my/357/1/perpustakaan.pdf>